

23/06/2003

Muktamar Pas fokus persiapan pilihan raya

KUALA TERENGGANU: Muktamar Pas yang dijadual selama tiga hari bermula 12 September depan dijangka lebih menjurus ke arah menguatkan jentera parti sebagai persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata persidangan yang akan diadakan di Kuala Lumpur itu juga akan menyentuh berkaitan usaha menggerakkan parti supaya lebih aktif dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Katanya, perancangan dan usaha perlu dibuat bagi menjamin Kelantan dan Terengganu serta kawasan yang dimenangi dikekalkan selain berusaha mendapat kemenangan di negeri dan kawasan lain.

Beliau berkata, Pas dijangka mendapat kerjasama baik dengan pakatan Barisan Alternatif, selain rakan pembangkang termasuk DAP dan parti di Sabah serta Sarawak.

Ditanya kemungkinan Pas akan mengadakan perbincangan dengan DAP, Hadi berkata, ia bergantung kepada keadaan.

"DAP adalah parti yang bertanding di kawasan tertentu saja," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Ditanya mengenai kritikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

terhadap Pas dalam ucapan penggulungan persidangan Umno kelmarin, Hadi berkata ucapan itu menandakan Pas mempunyai kekuatan dan menjadi pencabar yang dianggap merbahaya oleh Umno.

"Ucapan mengkritik Pas bertujuan menyembunyikan perasaan sebenar Dr Mahathir terhadap gejala yang berlaku di dalam Umno," katanya.